



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 6 MEI 2021

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 6 Mei 2021 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh : **2,709 kes** (392,555 kes kumulatif, 91.7%);
- Kes baharu : **3,551 kes** (427,927 kes kumulatif);
- Kes import : **16 kes** (10 warganegara dan 6 bukan warganegara);
- Kes tempatan : **3,535 kes** [3,242 warganegara (91.7%); 293 bukan warganegara (8.3%)];
- Kes aktif : **33,762 kes**;
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) : **354 kes**;
- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **199 kes**; dan
- Kes kematian : **19 kes** (1,610 kes kumulatif, 0.38%; 18 warganegara, 1 bukan warganegara).

Pada hari ini, Selangor melaporkan kes harian baharu tertinggi iaitu sebanyak **1,137 kes (32.0 peratus)**. Daripada jumlah ini, sebanyak **842 kes (74.1 peratus)** adalah daripada kluster-kluster dan saringan kontak rapat kes positif COVID-19 yang aktif dijalankan di lapangan. Ini diikuti oleh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebanyak **477 kes (13.4 peratus)** dan Sarawak sebanyak **391 kes (11.0 peratus)**.

Sebanyak **tiga (3) kes (0.1 peratus)** yang dilaporkan pula adalah berkaitan kluster di pusat tahanan yang melibatkan Kluster Tembok Pengkalan Chepa (2 kes) dan Kluster Pagar Sri Lalang (1 kes).

Terdapat 19 kes kematian pada hari ini yang melibatkan lima (5) kes di Sarawak, masing-masing tiga (3) kes di Johor dan Selangor, masing-masing dua (2) kes di Kelantan dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, serta masing-masing satu (1) kes di Kedah, Negeri Sembilan, Pahang, dan Terengganu. Sebanyak 18 kes melibatkan warganegara dan satu (1) kes bukan warganegara. KKM mengucapkan takziah kepada ahli keluarga mereka.

Perincian penuh jumlah kes mengikut negeri adalah seperti di **Lampiran 1 dan 2**, manakala ringkasan kes kematian mengikut

negeri adalah seperti di **Lampiran 3** yang disertakan bersama kenyataan media ini.

MAKLUMAT TERKINI BERKAITAN KLUSTER-KLUSTER

Berikut adalah maklumat terkini berkaitan kluster-kluster di Malaysia sehingga 6 Mei 2021:

1. Jumlah kluster : **1,740 kluster**;
2. Jumlah kluster baharu : **14 kluster**;
3. Jumlah kluster yang telah tamat : **1,322 kluster** [termasuk **tujuh (7) kluster** yang tamat pada hari ini iaitu **Kluster Bukit Sera, Kluster Danan, Kluster Jalan Kubota Sentral, Kluster Jalan Kenanga, Kluster Pagar Bukit Chagar, Kluster Tembok Taiping, dan Kluster Jalan Taming**];
4. Jumlah kluster aktif : **418 kluster**;
5. Jumlah kluster dengan pertambahan kes baharu pada hari ini : **96 kluster**; dan
6. Kluster-kluster dengan pertambahan kes baharu tertinggi pada hari ini adalah **Kluster Jalan Besar Sungai Jawi (94 kes), Kluster Jalan Padang Tembak (75 kes), dan Kluster Industri Lengku Teknologi (59 kes)**.

KLUSTER BAHARU

KKM juga ingin memaklumkan terdapat **14 kluster baharu** yang telah dikenal pasti pada hari ini yang melibatkan lapan (8) kluster tempat kerja, masing-masing dua (2) kluster komuniti dan kluster sektor pendidikan termasuk satu (1) kluster institusi pendidikan KPM, serta masing-masing satu (1) kluster kumpulan berisiko tinggi dan kluster keagamaan.

Perincian kluster-kluster baharu adalah seperti di **Lampiran 4** yang disertakan bersama kenyataan media ini.

No.	Nama Kluster	Negeri	Kategori Kluster
1	Jalan Batu Arang	Selangor	Tempat Kerja
2	Industri Platinum	Selangor	Tempat Kerja
3	Persiaran Meru Raya	Perak	Tempat Kerja
4	Persiaran Greentown Tujuh	Perak	Tempat Kerja
5	Jalan Temangan	Kelantan	Tempat Kerja
6	Jalan Pertama Empat	Johor	Tempat Kerja
7	Industri Lengkuk Teknologi	Negeri Sembilan	Tempat Kerja
8	Jalan Tunku	Sabah	Tempat Kerja
9	Kampung Chat	Kelantan	Komuniti
10	Indera Mahkota Lima	Pahang	Komuniti
11	Jalan Sungai Merab	Selangor	Institusi Pendidikan KPM
12	Jalan Teknologi Kota Damansara	Selangor	Pendidikan Lain
13	Jalan Korma	Johor	Kumpulan Berisiko Tinggi
14	Dah Lubuk Emas	Kedah	Keagamaan

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai termasuk individu-individu yang telah menerima vaksin COVID-19 agar terus mematuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

Elakkan 3S: (elakkan kawasan yang **sesak**, **sempit** dan **sembang** dengan jarak yang dekat).

Amalkan 3W: (Amalkan **Wash**, **Wear** dan **Warn**).

Patuhlah kepada **S.O.P** sebagai normal baharu. KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

6 Mei 2021 @ 6.30 petang.

LAMPIRAN 1**BILANGAN KES COVID-19
MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 6 MEI 2021, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
SELANGOR	1,137 (9)	138,846
SABAH	69	58,580
JOHOR	258 (1)	46,991
WP KUALA LUMPUR	477 (6)	45,567
SARAWAK	391	33,477
PULAU PINANG	305	20,945
NEGERI SEMBILAN	85	19,265
KELANTAN	326	16,177
PERAK	137	15,268
KEDAH	112	10,630
MELAKA	82	7,761
PAHANG	97	5,512
TERENGGANU	58	4,641
WP LABUAN	2	2,475
WP PUTRAJAYA	12	1,420
PERLIS	3	372
JUMLAH KESELURUHAN	3,551 (16)	427,927

*() adalah merujuk kepada kes-kes import

LAMPIRAN 2

Perincian 3,551 kes positif COVID-19 baharu yang dilaporkan di Malaysia pada 6 Mei 2021 adalah seperti berikut:

- **Selangor: 1,137 kes**
 - 104 kes daripada kluster-kluster, termasuk 79 kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Industri Platinum, Kluster Jalan Batu Arang, Kluster Jalan Sungai Merab, dan Kluster Jalan Teknologi Kota Damansara**;
 - 738 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
 - Sembilan (9) kes import dari luar negara; dan
 - 286 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: 477 kes**
 - Tiga (3) kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 268 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
 - Enam (6) kes import dari luar negara; dan
 - 200 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Sarawak: 391 kes**
 - 51 kes daripada kluster-kluster sedia ada;

- 255 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 85 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Kelantan: 326 kes**
 - 93 kes daripada kluster-kluster, termasuk tujuh (7) kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Jalan Temangan dan Kluster Kampung Chat**;
 - 177 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 56 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Pulau Pinang: 305 kes**
 - 88 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 85 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 132 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Johor: 258 kes**
 - 117 kes daripada kluster-kluster, termasuk 16 kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Jalan Korma dan Kluster Jalan Pertama Empat**;
 - 88 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
 - Satu (1) kes import dari luar negara; dan
 - 52 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Perak: 137 kes**
 - 41 kes daripada kluster-kluster, termasuk enam (6) kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Persiaran Greentown Tujuh dan Kluster Persiaran Meru Raya**;
 - 65 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 31 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Kedah: 112 kes**
 - 50 kes daripada kluster-kluster, termasuk tiga (3) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Dah Lubuk Emas**;
 - 37 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 25 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Pahang: 97 kes**
 - 41 kes daripada kluster-kluster, termasuk enam (6) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Indera Mahkota Lima**;
 - 35 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 21 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Negeri Sembilan: 85 kes**

- 61 kes daripada kluster-kluster, termasuk 59 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Industri Lengkuk Teknologi**;
- 16 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- Lapan (8) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Melaka: 82 kes**

- 38 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
- 25 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 19 daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Sabah: 69 kes**

- 22 kes daripada kluster-kluster, termasuk satu (1) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Jalan Tunku**;
- 27 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 20 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Terengganu: 58 kes**

- 35 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
- 14 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan

- Sembilan (9) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Wilayah Persekutuan Putrajaya: 12 kes**
 - Lapan (8) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Empat (4) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Perlis: Tiga (3) kes** daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19
- **Wilayah Persekutuan Labuan: Dua (2) kes** daripada kluster sedia ada.

LAMPIRAN 3

Ringkasan 19 kes kematian pada 6 Mei 2021 adalah seperti berikut:

No. Kematian	Negeri	Jantina / (Warganegara)	Umur (Tahun)	Hospital / Tempat Kematian	Latar Belakang
1592	Johor	Lelaki (WN)	62	Jenazah dibawa ke Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar	Penyakit kencing manis, darah tinggi, jantung, dan <i>meningioma</i>
1593	Sarawak	Perempuan (WN)	79	Hospital Umum Sarawak, Kuching	Penyakit lymphoma
1594	Terengganu	Lelaki (WN)	62	Hospital Sultanah Nur Zahirah, Kuala Terengganu	Penyakit darah tinggi
1595	Selangor	Lelaki (WN)	63	Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Cheras	Penyakit kencing manis, buah pinggang kronik, dan jantung
1596	Kedah	Lelaki (WN)	73	Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar	Penyakit darah tinggi dan jantung
1597	Sarawak	Lelaki (WN)	79	Hospital Sibul	Penyakit darah tinggi, dislipidemia, dan paru-paru obstruktif kronik
1598	Pahang	Lelaki (WN)	31	Jenazah dibawa ke Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan	Obesiti
1599	Sarawak	Lelaki (WN)	44	Jenazah dibawa ke Hospital Sarikei	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan tuberkulosis
1600	Kelantan	Perempuan (WN)	78	Hospital Tanah Merah	-
1601	Johor	Lelaki (WN)	57	Hospital Sultan Ismail, Johor Bahru	Obesiti

No. Kematian	Negeri	Jantina / (Warganegara)	Umur (Tahun)	Hospital / Tempat Kematian	Latar Belakang
1602	Sarawak	Lelaki (WN)	76	Hospital Sarikei	Penyakit darah tinggi, paru-paru obstruktif kronik, dan buah pinggang kronik
1603	Selangor	Lelaki (WN)	57	Hospital Kajang	Penyakit darah tinggi
1604	WP Kuala Lumpur	Perempuan (WN)	92	Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Cheras	Penyakit buah pinggang kronik
1605	Kelantan	Perempuan (WN)	79	Hospital Universiti Sains Malaysia, Kubang Kerian	Penyakit darah tinggi dan strok
1606	Selangor	Lelaki (WN)	79	Hospital Shah Alam	Penyakit darah tinggi, dislipidemia, dan <i>psoriatic arthritis</i>
1607	Johor	Lelaki (WN)	74	Hospital Enche' Besar Hajjah Khalsom, Kluang	Penyakit darah tinggi
1608	WP Kuala Lumpur	Perempuan (WN)	62	Jenazah dibawa ke Hospital Kuala Lumpur	Penyakit darah tinggi
1609	Sarawak	Lelaki (WN)	71	Hospital Bintulu	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dislipidemia, dan buah pinggang kronik
1610	Negeri Sembilan	Lelaki (BWN)	51	Jenazah dibawa ke Hospital Tuanku Jaafar, Seremban	-

*WN merujuk kepada warganegara dan BWN merujuk kepada bukan warganegara.

Perincian 14 kluster baharu yang telah dikenal pasti pada hari ini iaitu:

1. KLUSTER JALAN BATU ARANG

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Gombak di Selangor. Kes-kes dalam kluster ini dilaporkan positif COVID-19 pada 6 Mei 2021 hasil saringan bersasar pekerja-pekerja sebuah kilang yang terletak di Jalan Batu Arang, Rawang, Gombak. Sehingga 6 Mei 2021, sejumlah 27 individu telah disaring, di mana **15 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

2. KLUSTER INDUSTRI PLATINUM

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Kuala Selangor di Selangor. Kes-kes dalam kluster ini dilaporkan positif COVID-19 pada 6 Mei 2021 hasil saringan bersasar pekerja-pekerja sebuah kilang yang terletak di Jalan Platinum, Kawasan Perindustrian Batu 22, Kuala Selangor. Sehingga 6 Mei 2021, sejumlah 51 individu telah disaring, di mana **10 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

3. KLUSTER PERSIARAN MERU RAYA

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Kinta dan Manjung di Perak. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-420312) dilaporkan positif COVID-19 pada 4 Mei 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini melibatkan pekerja-pekerja sebuah pusat penginapan yang terletak berdekatan Persiaran Meru Raya, Ipoh, Kinta. Sehingga 6 Mei 2021, sejumlah 45 individu telah disaring, di mana **14 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

4. KLUSTER PERSIARAN GREENTOWN TUJUH

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Kinta serta Larut, Matang, dan Selama di Perak. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke- 410880) dilaporkan positif COVID-19 pada 1 Mei 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini melibatkan pekerja-pekerja sebuah restoran yang terletak di Persiaran Greentown 7, Ipoh, Kinta. Sehingga 6 Mei 2021, sejumlah 39 individu telah disaring, di mana **11 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

5. KLUSTER JALAN TEMANGAN

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Machang di Kelantan. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-411322) dilaporkan

positif COVID-19 pada 1 Mei 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini melibatkan pekerja-pekerja sebuah pasar raya yang terletak di Jalan Temangan, Kampung Pemanok, Machang. Sehingga 6 Mei 2021, sejumlah 15 individu telah disaring, di mana **sembilan (9) kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

6. KLUSTER JALAN PERTAMA EMPAT

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Johor Bahru di Johor. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-415798) dilaporkan positif COVID-19 pada 3 Mei 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini melibatkan kakitangan sebuah syarikat perkhidmatan yang terletak Jalan Pertama 4, Johor Bahru. Sehingga 6 Mei 2021, sejumlah 45 individu telah disaring, di mana **lapan (8) kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

7. KLUSTER INDUSTRI LENGKUK TEKNOLOGI

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Seremban dan Port Dickson di Negeri Sembilan. Kes-kes dalam kluster ini dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 4 Mei 2021 hasil saringan bersasar pekerja-pekerja sebuah kilang yang terletak di Lengku Teknologi 2, Bandar Baru Enstek, Seremban. Sehingga 6 Mei 2021, sejumlah 335 individu telah disaring, di mana **64 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

8. KLUSTER JALAN TUNKU

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Kota Kinabalu, Papar, Putatan, dan Penampang di Sabah. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-396538) dilaporkan positif COVID-19 pada 27 April 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini melibatkan kakitangan sebuah pusat pentadbiran awam yang terletak di Jalan Tunku Abdul Rahman, Karamunsing, Kota Kinabalu. Sehingga 6 Mei 2021, sejumlah 129 individu telah disaring, di mana **10 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

9. KLUSTER KAMPUNG CHAT

Kluster komuniti ini melibatkan daerah Pasir Mas di Kelantan. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-401321) dilaporkan positif COVID-19 pada 28 April 2021 hasil saringan individu bergejala. Nama kluster ini merujuk kepada lokaliti di mana penularan kes-kes dilaporkan berlaku iaitu di Kampung Chat, Pasir Mas. Sehingga 6 Mei 2021, sejumlah 79 individu telah disaring, di mana **17 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

10. KLUSTER INDERA MAHKOTA LIMA

Kluster komuniti ini melibatkan daerah Kuantan di Pahang. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-401532) dilaporkan positif COVID-19 pada 28 April 2021 hasil saringan individu bergejala. Nama kluster ini merujuk kepada lokaliti di mana penularan kes-kes dilaporkan berlaku iaitu di Lorong Indera Mahkota 5/7, Bandar Indera Mahkota, Kuantan. Sehingga 6 Mei 2021, sejumlah 301 individu telah disaring, di mana **18 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

11. KLUSTER JALAN SUNGAI MERAB

Kluster institusi pendidikan KPM ini melibatkan daerah Hulu Langat dan Sepang di Selangor. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke- 408962) dilaporkan positif COVID-19 pada 1 Mei 2021 hasil saringan kontak rapat. Kluster ini melibatkan kakitangan dan pelajar-pelajar sebuah sekolah yang terletak di Jalan Sungai Merab, Kajang, Hulu Langat. Sehingga 6 Mei 2021, sejumlah 295 individu telah disaring, di mana **10 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

12. KLUSTER JALAN TEKNOLOGI KOTA DAMANSARA

Kluster pendidikan ini melibatkan daerah Petaling di Selangor. Kes-kes dalam kluster ini dilaporkan positif COVID-19 pada 4

Mei 2021 hasil saringan bersasar kakitangan dan pelajar-pelajar sebuah pusat pendidikan yang terletak di Jalan Teknologi 3/9, Kota Damansara, Petaling. Sehingga 6 Mei 2021, sejumlah 229 individu telah disaring, di mana **58 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

13. KLUSTER JALAN KORMA

Kluster kumpulan berisiko tinggi ini melibatkan daerah Batu Pahat di Johor. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-406421) dilaporkan positif COVID-19 pada 30 April 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini melibatkan kakitangan sebuah pusat perubatan yang terletak di Jalan Korma, Taman Soga, Batu Pahat. Sehingga 6 Mei 2021, sejumlah 477 individu telah disaring, di mana **25 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

14. KLUSTER DAH LUBUK EMAS

Kluster keagamaan ini melibatkan daerah Bandar Baharu di Kedah. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-420458) dilaporkan positif COVID-19 pada 4 Mei 2021 hasil saringan individu bergejala. Nama kluster ini merujuk kepada lokaliti di mana penularan kes-kes dilaporkan berlaku iaitu di Taman Kelisa Emas, Lubuk Buntar, Bandar Baharu. Sehingga 6 Mei

2021, sejumlah 28 individu telah disaring, di mana **12 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.